

# PM: Kita akan pertahan kemerdekaan daripada ancaman

**UM 30/10/2003 - 2 PRECISE**

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan mempertahankan kemerdekaan yang ada pada hari ini di sebalik timbul pelbagai ancaman yang ditujukan kepada negara ini.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia tidak memerlukan bantuan wang daripada Amerika Syarikat (AS) seperti yang diputuskan oleh Senat negara itu.

Katanya, mereka boleh menggunakan wang itu untuk tujuan yang lain sekiranya tidak mahu menyalurkan kepada Malaysia.

"Kalau mereka tuduh kepada kita, tak nak bagi duit kepada kita, tak apa lah simpanlah duit itu, kamu boleh belanja duit itu untuk maksud yang lain.

"Kita tidak berapa perlu kepada duit itu, sebaliknya kita amat bangga dengan kemerdekaan kita dan kita akan mempertahankan kemerdekaan kita walau apa sekali pun yang ditujukan kepada kita," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada majlis Nur Ramadan berbuka puasa bersama Perdana Menteri anjuran Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan di Masjid Negara di sini malam ini.

Hadir sama ialah isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan dua Naib Presiden UMNO Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta beberapa menteri kabinet.

Semalam, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak akan gentar dengan ugutan Senat AS untuk mensyaratkan pemberian bantuan ketenteraan berjumlah AS\$1.2 juta (RM4.56 juta) ekoran kenyataannya berhubung kaum Yahudi.

Senat AS dikatakan sebulat suara bersetuju meletakkan syarat supaya Malaysia dipastikan menyokong kebebasan beragama termasuk Yahudi.

## Pelik

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menyatakan rasa gembira dengan kehadiran orang bukan Islam pada majlis berkenaan.

Ini, katanya, adalah baik kepada semua orang bukan Islam yang menghadiri acara tertentu seperti itu supaya dapat melihat sendiri tiada sesuatu yang pelik diamalkan oleh orang Islam.

"Kita harus ada hubungan rapat seperti ini sebab itu kerajaan menganjurkan acara penganut agama yang lain seperti baru-baru ini perayaan Deepavali," katanya.

Dr. Mahathir berkata, gambaran ini membuktikan Malaysia tidak seperti yang dianggap oleh pihak tertentu yang mendakwa Malaysia tidak mengamalkan kebebasan beragama.

Katanya, keadaan ini berbeza di sesetengah negara apabila 'kaum hamba' yang diculik dipaksa menganut agama 'tuan mereka'.

"Tetapi hari ini orang inilah yang bercakap kononnya di Malaysia ini tiada kebebasan beragama. Sebenarnya merekalah yang tidak memberi kebebasan beragama pada rakyat mereka dan kalau ada pun orang yang menganut agama mereka sekarang ini ia adalah kerana paksaan.

"Tetapi di Malaysia kebebasan agama diamalkan, di mana orang-orang Cina dan India datang ke negara ini tidak pernah dipaksa menganut agama Islam," katanya.

Dr. Mahathir yang akan bersara pada Jumaat ini turut mengucapkan terima kasih di atas segala sokongan dan bantuan yang diberikan kepadanya sepanjang menjadi Perdana Menteri.

Pada majlis itu, Perdana Menteri dan Abdullah turut menyampaikan bantuan kepada 30 orang di Masjid Negara.

Bantuan itu berupa wang tunai RM100, makanan, vitamin, pinggan mangkuk, beras dan gula.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, majlis itu adalah keempat dianjurkan oleh Badan Perhubungan UMNO itu dengan 6,500 orang menerima bantuan sedemikian sehingga kini.

Selepas majlis, Perdana Menteri dan Timbalannya menunaikan solat Maghrib di Masjid Negara.